



DUA pelajar Malaysia, Irfan Mohamad Fairus (dua dari kiri) dan Muhammad Haziq Jamaludin (tiga dari kiri) adalah antara lima pelajar Alam Melayu yang layak ke peringkat suku akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) 2016 di Uniten, Selangor, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

20 peserta ke suku akhir PABM Piala Perdana Menteri 2016 hari ini

KUALA LUMPUR 21 Mac - Semua 20 peserta Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016 bagi kategori Antarabangsa dan Pelajar Antarabangsa di Malaysia yang terpilih ke suku akhir esok berjaya menampilkan penguasaan bahasa Melayu pada tahap tinggi.

Penyelaras Teknikal dan Penghakiman PABM 2016, Dr. Mazleena Mohamad Hussain berkata, sedangkan pada penganjuran edisi lalu, tahap penguasaan tersebut hanya dapat dilihat pada peserta kategori Alam Melayu.

Katanya, pada edisi kali ini, kesemua peserta yang dipilih berjaya menarik perhatian tiga juri yang terdiri daripada wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan mereka yang berpengalaman dalam pertandingan pidato peringkat universiti.

"Kali ini kami mendapati kesemua peserta berjaya menguasai bahasa tersebut dengan baik. Saya yakin persaingan PABM kali ini akan lebih sengit dan para juri perlu menilai isi kandungan serta penggunaan bahasa setiap peserta dengan lebih teliti.

"Perkara paling penting adalah fakta yang diketengahkan dalam setiap pemicato perlu tepat dan bukan rekaan semata-mata selain memastikan penggunaan bahasa Melayu Malaysia, bukan dari negara jiran," katanya ketika mengumumkan nama peserta yang layak ke pusingan suku akhir di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dekat sini hari ini.

Keseluruhannya seramai 47 pe-



serta mengambil bahagian dalam PABM 2016 yang memasuki edisi ke-10 dengan tiga kategori dipertandingkan iaitu, Antarabangsa, Pelajar Antarabangsa di Malaysia dan Alam Melayu.

PABM 2016 bermula hari ini dengan persaingan pusingan awal manakala esok akan berlangsung saingan suku akhir diikuti separuh akhir pada Rabu manakala malam kemuncak iaitu pertandingan akhir pada Jumaat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Lima peserta kategori Alam Melayu dari empat buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Brunei dan Singapura secara automatik layak ke peringkat separuh akhir, Rabu ini.

PABM 2016 merupakan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama DBP, Majlis Debat Universiti Malaysia (Madum) dan Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (Makum).

Pertandingan tahun ini bertema-kan Pengantarabangsaan Bahasa Melayu telah menetapkan 12 tema tajuk antaranya Yang Tua Dikasihi, Yang Muda Disayangi dan Kesaksamaan Gender.

info

PERINGKAT SUKU AKHIR

ANTARABANGSA

1. Megan Rose Donelly (Amerika Syarikat)
2. Rebecca Clare Lawrence (Australia)
3. Salima Qurbanova (Azerbaijan)
4. Priscilla Haley Rasyid (Belanda)
5. Wang Jialu Aleeya (China)
6. Hatsune Yanai (Jepun)
7. Han Jun Beom (Korea)
8. Lukas Fort (Republic Czech)
9. Tavan Karl Kessler Dutton (United Kingdom)
10. Rimajon Sotlikova (Uzbekistan)

PELAJAR ANTARABANGSA DI MALAYSIA (PAM)

1. Harith Ahmed Hamdy (Iraq - USM)
2. Marshal Kasem Alqudah (Jordan - UKM)
3. Palwasha Bakhteri (Afghanistan - UTM)
4. Ali Abd Almisreb (Syria - UiTM)
5. Nasear Slayman (Kemboja - UIAM)
6. Abdul Matin Mohammad Azeem (Afghanistan - UIAM)
7. Hassan Radwan (Palestin - UIAM)
8. Abdalla Hassan Gharib (Tanzania - Unimas)
9. Anas Mohamad Husian Kassim (Iraq - UMP)
10. Hemavathi Krishnan (India - Unimap)

ALAM MELAYU (SEPARUH AKHIR)

1. Siti Nazurah Syamim Md. Yussof (Brunei)
2. Irfan Mohamad Fairus (Malaysia)
3. Muhammad Haziq Jamaludin (Malaysia)
4. Nur Afiqah Mokhtar Kamarudin (Singapura)
5. Muhammad Sa'mae (Thailand)